

Siri Muzakarah Warisan Bangsa

Mengenal Bangsa Mengisi Peranan

Susunan
Tun Suzana Tun Hj Othman
Pertubuhan Kesedaran Melayu & Islam (KEMUDI)

<u>Isi Kandungan</u>	<u>Ms</u>						
‘Asobiyah dan Fitrah Berbangsa	3
Amanah Sebagai Khalifah Allah	5
Bangsa Sebagai Suatu Kekuatan Berjemaah	6
Bangsa Pendokong dan Pembenteng Agama	8
Sejarah Bangsa Melayu: Bangsa Pendokong dan Pembenteng Islam	10
Penutup	12

‘Asobiyah dan Fitrah Berbangsa

Perbincangan yang memberi fokus khusus kepada hal ehwal bangsa sering dikaitkan dengan sikap ‘asobiyah. Malangnya, sebilangan kita mengaitkan perkara cinta dan kecenderungan menyantuni hal ehwal bangsa sendiri sebagai suatu perkara yang ditegah oleh ajaran agama Islam, berdasarkan salah faham terhadap tafsiran daripada kalimah ‘asobiyah tersebut, sehingga mencetuskan sikap prejudis serta negatif apabila dihadapkan dengan perbicaraan terkait hal-hal bangsa, malahan tidak kurang yang memprotes dengan kata-kata seperti: “*tidak cukupkah Islam untuk menyelesaikan masalah ummah*”, “*kita tidak perlukan bangsa, Islam sahaja sudah cukup bagi kita*”, “*cintakan bangsa adalah sikap ‘asobiyah yang diharamkan dalam agama kita*”, atau yang seumpamanya! Sesungguhnya, ungkapan-ungkapan seperti ini merujuk pada kecetekan ilmu atau kesalah fahaman dalam memahami konsep ‘asobiyah itu sendiri.

Bertanya seorang lelaki kepada Rasulullah ﷺ : “*Adakah perbuatan ‘asobiyah seseorang itu suka (kasih) kepada kaumnya? Tidak, tetapi ‘asobiyah itu ialah orang yang menyokong (menolong) kaumnya melakukan kezaliman.*” (HR An-Nasai’)

Dalam hadith di atas, Rasulullah ﷺ sendiri telah memberikan penerangan yang jelas dan tuntas bahawa sifat cintakan kaum dan bangsa bukan termasuk dalam perkara ‘asobiyah. Ianya menjadi ‘asobiyah hanya apabila mencetuskan sikap ketaksuhan terhadap kaum atau bangsa, memandang bahawa kaumnya itu betul belaka sehingga sanggup melindungi, mempertahankan malah bersekongkol dalam melakukan kesalahan-kesalahan dan kejelekan-kejelekan yang dilakukan oleh ‘ahli keluarga bangsanya’, sekaligus memandang rendah, menghina, mencela apatah lagi menzalimi kaum atau bangsa lain. Ini merupakan suatu sikap yang melampau atau ekstrim, dan inilah yang ditegah dalam ajaran agama Islam.

Sedangkan perasaan cinta dan kecenderungan terhadap bangsa sendiri (tanpa bersikap ekstrim), adalah sesuatu yang bersifat fitrah, justeru yang mencipta kabilah, kaum dan bangsa itu adalah Allah swt sendiri!

Allah swt berFirman:

“*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan.*” (al Hujurat: 13)

Dalam ayat yang lain, Allah swt berFirman:

“*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaaNya ialah kejadian langit dan bumi dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan*”. (ar Rum: 22)

Sesungguhnya jika Allah swt menghendaki, maka sudah tentu diciptakanNya umat manusia keseluruhannya sebagai satu bangsa, warna kulit dan bercakap dalam bahasa yang serupa. Namun itu bukan kehendakNya, Allah swt yang Maha

Indah, Maha Berkuasa lagi Maha Sempurna, ingin memantulkan sifat Jamal dan JalalNya dalam ciptaanNya yang bergelar insan, maka diciptakan manusia yang berbagai rupa paras, warna kulit dan ciri-ciri yang berbeza sebagai fitrah berbangsa.

Dalam muqaddimah Ibnu Khaldun, dijelaskan makna yang tersirat pada lafaz ‘asobiyah, iaitu fitrah rasa ‘kekitaan’ yang wujud hasil dari perkongsian latarbelakang serta perkembangan sejarah, budaya, pegangan dan amalan yang sama dalam satu keluarga, kerabat, kaum atau bangsa. Contoh yang paling mudah, perkembangan sesebuah keluarga adalah disemai, dibaja dan disuburi dengan latarbelakang didikan, agama, nilai, adat resam, kejiwaan, hasrat dan wawasan suami isteri sebagai pasangan induk yang membentuk, mencorak, mewarnai dan meletakkan hala tuju keluarganya itu. Ianya mengidentikan dan memberi keunikan setiap unit keluarga yang tidak boleh difahami secara mutlak oleh keluarga-keluarga yang lain, sehingga mewujudkan FITRAH RASA KEKITAAN.

Bolehkah kita samakan keluarga kita dengan keluarga orang lain? Bolehkah kita menghalusi, memahami dan memberikan tafsiran yang tepat dan sama tentang adat kelaziman, undang-undang, amalan, nilai, norma, kepercayaan, persepsi, rahsia yang tersurat dan tersirat yang wujud dalam keluarga-keluarga lain sebagaimana keluarga kita?

Bayangkan bagaimana seorang Melayu cuba mentafsir epik Ramayana? Bagaimana seorang Jerman cuba menggarap kisah-kisah dalam karya klasik Sejarah Melayu, memahami konsep daulat, derhaka, amuk, tulah? Bagaimana seorang China cuba memahami prinsip pengorbanan Kamikaze yang unik kepada masyarakat Jepun? Bagaimana seorang Inggeris mampu menjawai resam kaum Tibet di pergunungan Himalaya atau kepercayaan kaum Zulu di pendalaman Afrika?

Bolehkah kita memahami keluarga orang lain sebagaimana kita memahami keluarga kita, mungkin boleh, namun ianya akan mengambil masa yang panjang hatta perlu terjun dan tenggelam dalam dunia mereka, menghayati akal pemikiran, falsafah, prinsip, kejiwaan, kepercayaan dan spiritual mereka yang diterjemah dalam berbagai sisi kehidupan. Mudah??

Sesungguhnya, fitrah rasa kekitaan di kalangan ahli keluarga, kaum atau bangsa mempunyai fungsi penting dalam kehidupan bermasyarakat demi mewujudkan suasana kasih sayang, aman damai, keharmonian serta sikap saling bantu-membantu dalam semangat kekeluargaan demi memelihara kepentingan-kepentingan yang dikongsi bersama.

Hatta makna kekitaan boleh diperluaskan lagi jika dinisbatkan kepada kaum-kaum atau bangsa-bangsa berlainan yang berkongsi pegangan dan amalan agama Islam. Ianya disebut sebagai ukhuwah atau persaudaraan Islamiyyah.

Maka apakah hikmah yang wujud di sebalik fitrah berbangsa itu?

Amanah Sebagai Khalifah Allah

Firman Allah swt dalam sebuah Hadeeth Qudsi yang bermaksud: “*Aku laksana harta yang tersembunyi. Aku ingin dikenali, maka sebab itulah Aku ciptakan semua makhluk*”.

Maka diciptakanlah olehNya manusia di alam ruh bermula dengan Ruhul Muhammadiyah sebagai sumber segala yang wujud. Kemudian Allah SWT menciptakan Nabi Adam as dari tanah, menyusul pula ciptaan sekalian anak cucunya dari yang pertama sehingga yang terakhir, dibekalkan pada tulang punggung Nabi Adam, sehingga dikeluarkanlah mereka untuk mengakui keesaan Allah di Na'man, suatu lembah yang berdekatan dengan Padang Arafah. Peristiwa tersebut dikenali sebagai *Yaumil Mitsaq* atau Hari Mengambil Janji.

Allah swt berfirman :

“Dan ketika Tuhan kamu menjadikan keturunan Adam dari punggungnya, dan Tuhan mengambil kesaksian dari mereka dengan berkata; Bukankah Aku ini Tuhan kamu? Mereka berkata:Bahkan! Kami menjadi saksi, bahawa kamu nanti di Hari Kiamat tiada dapat mengatakan, bahawa kami ini lalai dari perkara itu. “
(Al-A'raf:172)

Berdasarkan hakikat ini, manusia diciptakan Allah swt di atas mukabumi ini atas tiga maksud:

- i. Ibadat secara zahir, atau melaksanakan hukum syariat
- ii. Ibadat secara batin, atau *tazkiyatun nufus*
- iii. Melaksanakan Amanah KhalifatulLah

Dalam perkara ‘Melaksanakan Amanah KhalifatulLah’ di atas, kepentingannya sebaris dengan perkara Ubudiyah dan Tazkiyah kerana walaupun umur manusia di dunia ini singkat, namun di sinilah satu-satunya tempat manusia mengambil perbekalan untuk dibawa menghadap Allah swt di Hari Hisab nanti. Maka urusan kehidupan manusia di dunia ini bukan perkara main-main, melainkan suatu amanah Allah yang besar dan berat, iaitu dalam tanggungjawab memperbaikkan diri masing-masing untuk dibawa ke Mahkamah AgongNya di Padang Masyar kelak. Intipati perbekalan yang dimaksudkan adalah tuntutan perkara-perkara Fardhu ‘Ain yang berkaitan dengan diri serta Fardhu Kifayah terkait kehidupan bermasyarakat, beserta amalan-amalan kebaikan dan kebajikan.

Sesungguhnya manusia adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah swt yang dianugerahkan akal fikiran, kudrat serta keupayaan untuk membangun, mengurus dan memakmurkan bumi ini dengan menegakkan keadilan, keamanan dan kesejahteraan, mencegah segala bentuk kerosakan dan kedurjanaan terhadap alam dan makhluk yang hidup menebar melata di mukabumi ini sehingga urusan ubudiyah dan tazkiyah dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna.

Inilah yang diertikan dengan amanah manusia sebagai KHALIFAH ALLAH, iaitu dalam upaya mengelola, mentadbir, mengurus dan memakmurkan bumi dengan baik, sehingga matlamat penyembahan kepada Allah SWT dapat dimenifestasikan dengan aman, sejahtera dan sempurna dalam segenap aspek kehidupan.

Namun tanggungjawab ubudiyah, tazkiyah dan amanah mengurus serta mentadbir dunia sebagai khalifah Allah bukanlah perkara mudah. Walaupun secara hakikatnya manusia telahpun bermakrifat kepada Allah sebagai Tuhan Maha Esa yang mencipta seluruh alam, sekaligus mengakui keesaanNya di alam roh dahulu, namun setelah kelahirannya di dunia, yakni setelah ruh-ruh manusia disarungkan dalam bentuk jasad, maka terlupakanlah ingatannya tentang asal-usul diri, makrifat serta pengakuannya itu. Zahir manusia terus terhijab daripada pandangan-pandangan ghaib, langsung melupakan asal-usul kejadiannya.

Di dunia ini, manusia dihadapkan pula dengan tiga perkara yang kuat kuasanya sebagai cubaan hidup, iaitu peranan iblis dan syaitan, hawa nafsu dan ciri kehaiwanan yang membentenggu jasadnya sehingga mempunyai kecenderungan terhadap perkara-perkara keburukan.

Iblis pernah berkata: *Ya Tuhanku! Oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semua, kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlis (bertaqwa) diantara mereka.*” (Al-Hijr: 39-40)

Bagaimanapun Allah swt atas Maha Rahman dan RahimNya tidaklah membiarkan manusia terus menerus berada dalam kegelapan, kealpaan dan kelalaian. Lalu diutuskan para Rasul yang datang silih berganti bagi mengingatkan kembali pengenalan serta pertalian manusia denganNya, tentang peristiwa Hari Mengambil Janji serta hakikat bahawa manusia akan dihisab di Hari Masyar nanti. Disempurnakan perutusan ini di zaman Rasulullah ﷺ sepertimana yg difirmankan oleh Allah swt pada peristiwa Haji Wida’. “... Pada hari ini telah Aku sempurnakan untukmu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Aku ridhai Islam sebagai agama bagimu ...” (Al-Maa-idah: 3)

Selepas kewafatan Rasulullah ﷺ, tiada lagi para Nabi dan Rasul, maka tanggungjawab dakwah ilalLah serta pengurusan hal ehwal agama dan keduniaan umat Islam sebagai khalifah Allah diletakkan di atas bahu para umara dan ulama sebagai pewaris baginda.

Bangsa Sebagai Suatu Kekuatan Berjemaah

Tugas sebagai pengganti Rasulullah ﷺ (khulafa’ Rasulullah) dalam menyempurnakan hal ehwal agama dan keduniaan sekaligus membentenginya dari anasir-anasir jahat yang berpotensi memudaratkan misi ini, merupakan amanah besar dan berat yang tidak mampu digalas atas bahu seseorang individu, maka diperlukan para pendokong dalam menghimpunkan kerjasama, sumber, upaya serta kekuatan untuk perkara ini.

Maka, atas hikmah Allah swt yang Maha Mengetahui lagi Maha Mengasihani, diciptakanNya suku, kabilah, kaum dan bangsa yang dapat berkongsi beban amanah ini sehingga terasa lebih ringan berbanding digalas pada bahu seorang individu manusia semata-mata. Sehingga dapat dihimpunkan kerjasama dan kekuatan secara BERJEMAAH di bawah panji-panji kabilah, kaum atau bangsa

dengan kepimpinan ketua serta pembimbing, yakni gandingan umara dan ulama untuk maksud berikut:

- i. **Meramaikan** para penegak dan pendokong agama Allah (individu)
- ii. **Menyebar luaskan** agama ke seluruh dunia (suku/kaum)
- iii. **Meringankan beban** dalam melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah dan khulafa' Rasulullah, khususnya dalam hal membangun ketamadunan dan peradaban Islam di dunia (bangsa)

Maka jadilah UMMAH dari berbagai kabilah, kaum dan bangsa yang dipimpin oleh umara dan ulama, untuk mendokong ajaran Nabi & Rasul, sekaligus membentengi dari tipudaya iblis syaitan & konco-konco mereka. Yakni dari asal diri yang satu, diberikan pasangan, sehingga akhirnya menerbitkan kabilah/kaum/suku.

Dari satu kabilah/kaum/suku, menerbitkan banyak juzuk-juzuk suku sehingga apabila suku-suku ini bergabung, maka lahirlah bangsa yang lazimnya bukan sahaja berkongsi bahasa, budaya dan agama, malahan menghimpun kekuatan, sumber, kreativiti, daya dan wibawa di bawah organisasi yang teratur dan bersistem, iaitu bentuk kesatuan dan perpaduan bangsa yang berkerajaan seperti institusi Khulafa' RasululLah dalam wajah dinasti beraja dan bersultan, sehingga mampu menegakkan ketamadunan dan peradaban Islam dengan gabungan elemen-elemen kekuatan seperti berikut:

- i. Kekuatan Kekuasaan (Daulah)
- ii. Kekuatan Sistem Perundangan & Penguatkuasaan
- iii. Kekuatan Sistem Pendidikan Fardhu 'Ain & Fardhu Kifayah
- iv. Kekuatan Sistem Ekonomi Islam
- v. Kekuatan Sistem Pertahanan & Keselamatan (Polis & Ketenteraan)
- vi. Kekuatan Adat & Budaya berpasak Tauhid & Tasawuf (Jatidiri)

Contoh yang baik adalah sejarah perkembangan dakwah Rasulullah ﷺ sendiri di kota Mekah, menyaksikan dinamika awal peranan keluarga sebagai kekuatan teras yang mendokong kerja agama baginda, selanjutnya kekuatan dokongan kabilah baginda, iaitu Bani Hasyim yang sanggup melindungi dan mempertahankannya sehingga rela diboikot oleh kaum musyrikin Mekah selama tiga tahun. Selanjutnya peringkat demi peringkat bertambah kekuatan jemaah dalam amanah mendokong dan memperkuatkan agama Allah yang digalas baginda, khususnya di Madinah, antaranya dengan mempersaudaraan kaum 'Aus dan Khazraj yang dahulunya sering bertelalah, menjadi golongan Ansar yakni pembantu Rasulullah ﷺ yang teraula.

Dengan gabungan persaudaraan kabilah-kabilah di Madinah, maka Rasulullah ﷺ mendapat banyak sumber kekuatan untuk mendirikan pemerintahan Islam, membentuk piagam Madinah, menegakkan syiar-syar Islam, menghantar utusan-utusan dakwah ke berbagai tempat dan kerajaan, memperkuatkan ekonomi Islam, malah mampu berperanan sebagai kubu dan pembenteng umat Islam yang ampuh di saat-saat peperangan dengan kaum musyrikin Mekah.

Peristiwa Haji Wida' yang menghimpunkan sekitar 124,000 para sahabat Rasulullah ﷺ di bawah panji-panji kabilah atau kaum masing-masing, juga merupakan 'show of force' bagi kabilah Quraish sebagai bangsa yang paling dominan dan berwibawa ketika itu sehingga dipilih oleh Allah swt untuk meneruskan tugas Rasulullah ﷺ sebagai peneraju dalam menggerakkan usaha dakwah dan syiar Islam ke merata pelosok mukabumi ini.

Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah telah memilih keturunan Nabi Ibrahim a.s akan Nabi Ismail dan Allah memilih keturunan Nabi Ismail a.s akan Bani Kinanah. Dan Allah telah memilih dari Bani Kinanah itu akan bangsa Quraisy dan Allah memilih dari bangsa Qurais itu akan Bani Hasyim dan Allah memilih aku dari Bani Hasyim”.
(HR Imam Ahmad dan Imam Muslim)

Dalam hadith yang lain baginda ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah Taala telah mencipta makhluk, lalu Allah menjadikan aku paling terbaik dari kalangan mereka (makhluk Allah) dan zaman yang terbaik. Kemudian Allah Taala juga memilih kabilah-kabilah dan menjadikan aku dari kabilah yang terbaik. Kemudian Allah Taala memilih rumah tangga, lalu menjadikan aku dari rumah tangga yang terbaik. Sesungguhnya aku adalah paling terbaik dari sudut jiwa dan rumah tangga (berbanding orang lain)”.

(HR Imam Ahmad dan Imam Tirmizi)

Bangsa Pendokong dan Pembenteng Agama

Seperti yang disebutkan sebelum ini, manusia adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah SWT, iaitu khalifahNya yang dianugerahkan akal fikiran, sumber, upaya dan wibawa untuk melaksanakan amanah membangun, mengurus serta memakmurkan bumi Allah ini dengan menegakkan keadilan, keamanan, kebaikan dan kesejahteraan sehingga urusan ubudiyah dan tazkiyah dapat disempurnakan dengan baik dan lancar. Dan kekuatan berjemaah dalam bentuk kabilah, kaum atau bangsa merupakan suatu kelebihan besar dan banyak bagi menjamin beban tanggungjawab ini dapat dikongsi bersama dalam kesatuan dan perpaduan utuh yang bersifat fitrah.

Upaya menghimpunkan kekuatan berjemaah dalam bentuk kabilah, kaum atau bangsa dengan matlamat mendokong dan membenteng Islam sebagai suatu sunnah daripada zaman Rasulullah ﷺ, akan terus berjalan sehingga ke Hari Kiamat nanti. Untuk ini, sebaiknya difahami apakah elemen-elemen agama yang bersifat teras yang perlu diDOKONG oleh kesatuan jemaah kaum dan bangsa ini, serta apakah pula anasir-anasir kejahatan, kejelekan dan tipudaya syaitan, iblis dan konco-konconya yang perlu diBENTENGI umat Islam daripadanya.

Teras pendokongan adalah ajaran Nabi dan Rasul yang telah selesai disempurnakan oleh Rasulullah ﷺ dan disistematikan dalam bentuk disiplin ilmu-ilmu Islam yang disusun dengan baik oleh para ulama salaf dan khalaf. Antaranya:

- i. Fahaman Ahlus-Sunnah wal Jamaah sebagai manhaj Islam yang sebenar
 - a. Perkara **AQIDAH** dan kedudukan iman dengan menyusun asas-asas iman dan kaedah-kaedahnya. Gerakan ini diketuai oleh **Imam Abu Hassan al-Asy'ari** dan **Imam Abu Mansur al-Maturidi** beserta dengan rakan-rakan dan para pengikutnya.
 - b. Perkara **SYARIAT** Islam, iaitu dalam bidang Ilmu Fekah. Gerakan ini diketuai oleh imam yang empat, iaitu **Hanafi**, **Maliki**, **Syafiee** dan **Hanbali** beserta rakan-rakan dan para pengikut masing-masing.
 - c. Perkara **TASAWUF/EHSAN** dan menerangkan amalan serta hal ehwalnya, termasuklah cara memelihara **tarekat** dan dasar-dasarnya. Gerakan ini diketuai oleh **Imam Junaid Al-Baghdadi** beserta rakan-rakan dan para pengikutnya.
- ii. Ahlul-Bait Nabi ﷺ, sebagaimana saranan baginda sendiri
- iii. Ulama Muktabar dan Mursyid sebagai Warathatul Anbiya', sanad mereka sambung-menyambung daripada guru ke guru sehingga kepada Rasulullah ﷺ sendiri
- iv. Institusi Khulafa' Rasulullah dalam berbagai wajah bangsa seperti Institusi Raja & Sultan yang mentadbir mengikut *Fiqh al Siyasi*
- v. Sistem Ekonomi, Perundangan, Pendidikan & Keselamatan Islam
- vi. Syiar-syiar atau Mercu Tanda Islam seperti Masjid, Majlis Ilmu & Zikir Majlis Maulid, Burdah dan Tahlil, serta hari-hari kebesaran Islam
- vii. Tugas Dakwah & Tabligh, serta perkara *Amar Maaruf wa Nahi Mungkar*
- viii. Adat dan Adab bersendi Kitabullah
- ix. Seni Budaya, Hiburan dan Sastera dalam wajah bangsa yang mencerminkan kreativiti, kesenian, kehalusan, ketinggian dan kemuliaan Islam sebagai Agama Allah dan umat Islam sebagai umat Rasulullah ﷺ yang paling tinggi akal budi serta martabatnya
- x. Apa juga perkara Kebajikan, Kebaikan dan Kemanusiaan yang dicintai Allah swt dan Rasulullah ﷺ sebagai manifestasi ubudiyah & tazkiyah

Maka apakah pula anasir-anasir yang perlu dibentengkan ummah daripadanya? Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Fahaman sesat, contohnya:

Mujassimah
Muktazilah
Syiah Rafidhi
Khawarij
Qadhiani
Qadariyah
Jabbariyah
Sekularisme
Liberalisme
Pluralisme
Dsbnya

- ii. Ulama suk dan pendakwah yang menyebarkan fahaman dan ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Ilmu mereka terputus daripada sanad guru ke guru yang menyambung sampai kepada Rasulullah ﷺ, oleh itu ajaran mereka tidak terpelihara daripada unsur-unsur penyelewengan.
- iii. Pencerobohan serta pengkhianatan dalam berbagai bentuk ke atas hak umat Islam secara khusus, dan umumnya ke atas hak makhluk Allah yang lain yang digariskan dalam ajaran Islam, termasuk alam, binatang dan tumbuh-tumbuhan.
- iv. Majlis-majlis lagha dan lalai yang menyuburkan berbagai bentuk kemaksiatan sehingga boleh membantut atau menggagalkan misi ubudiyah dan tazkiyah
- iv. Pengaruh alat atau instrumen yang mengandungi program-program lalai, lagha dan kemaksiatan, hatta meracuni pemikiran umat Islam & umat manusia dengan pemikiran-pemikiran yang bercelaru dan menyeleweng yang diketengahkan pada berbagai platform media seperti media elektronik, media cetak dan internet sehingga boleh membantut, melemah atau menggagalkan terus misi ubudiyah dan tazkiyah
- v. Dan sebagainya

Sejarah Bangsa Melayu: Bangsa Pendokong dan Pembenteng Islam

Bagi mereka yang celik sejarah islamisasi Alam Melayu@Nusantara sudah tentu akan bersetuju dengan pendapat bahawa sesungguhnya rantau ini berada dalam ‘pandangan Allah’! Manakan tidak, masyarakat Nusantara antara yang bertuah kerana kebanyakan leluhur mereka bukan sahaja menganut Islam daripada

‘tangan pertama’, iaitu alim-ulama dari bangsa Arab sendiri, malahan ramai daripada kalangan alim-ulama dan mubaligh ini merupakan zuriat atau yang disebut sebagai ‘ahlul-bait’ (keluarga) Rasulullah ﷺ sendiri.

Di sisi lain, alim-ulama ini juga merupakan golongan sufi, sehingga islamisasi rantau ini berjalan dengan aman damai tanpa pertumpahan darah. Adat budaya masyarakat setempat disantuni dengan akhlak, budi, sahsiah dan wibawa, sehingga meninggalkan bekas yang mendalam terhadap masyarakat setempat untuk mengikuti tunjuk ajar para ulama, malahan diberi kedudukan mulia sehingga menjadi penasihat pemerintah, tidak kurang yang dikahwinkan dengan puteri-puteri dari golongan bangsawan dan pemerintah, lalu melahirkan zuriat yang kemudian diangkat pula sebagai raja atau sultan membentuk kerajaan daripada dinasti ahlul-bait Nabi ﷺ seperti di Acheh, Palembang, Banten, Cirebon, Pontianak, Kubu, Brunei dan banyak lagi.

Ramai pula dari golongan pemerintah di Alam Melayu yang mampu digelar sebagai ‘daiee nombor satu’. kerana islamnya mereka telah diikuti oleh seluruh rakyat jelata secara berbondong-bondong, tanpa sebarang protes atau pemberontakan. Kerana rakyat dahulu kala amat taat kepada raja-raja mereka. Islam raja, islamlah rakyat jelata!

Maka jadilah bangsa ini sebagai bangsa pendokong agama, kerana dengan pengislaman raja dan rakyat jelata dari semua lapisan masyarakat dengan sukarela dan berlapang dada, maka ianya merupakan suatu isyarat kesediaan mereka untuk memikul AMANAH KHALIFAH ALLAH & KHULAFAH RASULULLAH ﷺ!! Tegaklah panji-panji rumpun Melayu berkibar megah sebagai bangsa yang menjunjung agama Islam di bawah kerajaan-kerajaan kecil dan besar, umara dan ulama berperanan sebagai pembimbing serta pembangun ketamadunan dan peradaban Islam dalam wajah Melayu lengkap dengan sistem tatanegara, perundangan, pendidikan, ekonomi, keselamatan dan sosio-budaya, bernafas dengan nafas ketauhidan, mencorak lanskap dan identiti Alam Melayu dari sumber kekuatan akal budi, jatidiri dan budaya berpasak kitabullah serta sunnah Nabi dalam terjemahan dan kearifan serantau.

Kesatuan dan perpaduan rumpun Melayu sebagai bangsa pemikul amanah agama Islam telah memperlihatkan natijahnya yang jelas bukan sahaja dengan kewujudan kerajaan-kerajaan ‘Serambi Mekah’ dan pusat-pusat ilmu dan pendidikan Islam seperti di Pasai, Melaka, Acheh, Banten, Pattani, Palembang dan sebagainya sehingga mencapai puncak kegemilangan peradaban Islam pada abad ke 17-18 Masihi, malah dapat pula digembeling himpunan kekuatan ini sehingga menjadi bangsa pembenteng Islam yang ampuh, yakni apabila berhadapan dengan berbagai ancaman terhadap kepentingan umat Islam seperti penjajahan bangsa Portugis, Sepanyol. Belanda dan era campurtangan British bermula dari abad ke 16 sehingga menjelang abad ke 20 Masihi.

Bagaimanapun, himpunan kekuatan rumpun Melayu seNusantara mulai melemah secara berperingkat semenjak era campurtangan dan penjajahan British dan Belanda. Secara langsung mahupun tidak, pengaruh sekularisme, orientalisme dan liberalisme antara fahaman yang muncul seiring era campurtangan kuasa-

kuasa Barat dan berlanjutan sehingga ke hari ini, menular dan memudaratkan berbagai aspek kehidupan masyarakat Islam, khususnya orang-orang Melayu di tanah air kita. Ianya umpama kanser yang membarah, menular dan meracuni peringkat demi peringkat sehingga membahayakan bukan sahaja amalan tradisi dan warisan sosio-budaya leluhur kita, hatta mengancam ke akar umbi pegangan aqidah & keimanan anak-anak bangsa.

Maka sebab itulah AKAR SEJARAH MELAYU memainkan peranan yang sangat penting bukan sahaja untuk kita memahami rahsia islamisasi Alam Melayu yang pernah mencorakkan ketamadunan dan peradaban Islam yang gemilang, malahan untuk menjelak serta mengambil kembali intisari dan intipati daripada formula-formula kekuatan leluhur sebagai ‘bangsa pemikul amanah agama Islam’ untuk ditambah baik sesuai dengan dinamika, serta perubahan masa dan zaman, dipakaikan kembali sebagai suatu ubat penawar kepada berbagai musibah yang melanda agama dan jatidiri anak-anak bangsa.

Penutup

Sesungguhnya, pembendaharaan warisan Alam Melayu atau Nusantara bukan sahaja terkandung padanya sejarah yang panjang dengan lebih 400 juta umat Islam masakini yang berkongsi darah, baka dan genetik yang sama, malahan dalam konteks bangsa rumpun Nusantara ini, turut sama berkongsi warisan formula-formula pembangunan modal insan yang serupa, hasil dakwah, tarbiyah alim-ulama sufi dan waliyullah silam, sehingga berhasil mewujudkan generasi demi generasi umat Islam yang mendokong dan menjunjung Islam secara berjemaah khususnya dalam lingkungan kekuatan entiti kerajaan dan kesultanan.

Dengan mempelajari, memahami serta menghayati ciri-ciri peradaban Islam dalam konteks ‘Naratif Nusantara’ yang telah dibentuk, dicorak, dibangun dan dikembangkan oleh para ulama, waliyullah dan para raja atau umara silam di rantau ini, semoga dapat dibangun dan dihidupkan kembali elemen ‘tarbiyah ruhiyyah’ serta sosialisasi dan pembudayaan tauhid-tasawuf melalui berbagai strategi dan dinamika yang digerakkan para ulama dan sultan-sultan Nusantara masakini, dengan dokongan seluruh elemen masyarakat terutama generasi muda. Sehingga akan lahir kembali GENERASI RUMPUN MELAYU PENDOKONG AGAMA sebagaimana tradisi leluhur semenjak beratus-ratus tahun dahulu.

Moga ketamadunan dan peradaban Islam akan kembali bangkit dengan nafas tauhid-tasawuf, menyemai makrifat dan cinta Allah swt dan Rasulullah ﷺ sehingga berhasil mencapai kejayaan yang cemerlang di rantau ini sebagaimana yang berlaku pada abad 15-18 Masihi yang digerakkan oleh leluhur para ulama, waliyullah serta para raja seluruh Nusantara. Malahan berupaya pula menerajui kebangkitan ummah di seluruh dunia, Biiznillah.

Wallahu ‘alam bissawab
Intaha
TSTHO